



# Laporan Ekonomi 2000/2001

KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA

Harga: RM60



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2000

LAPORAN EKONOMI 2000/2001

PEMBETULAN

Muka Surat	Para	Ruang	Barisan	Dicetak	Dibaca
9		1	28	....(akhir tempoh)*	....(akhir tempoh)*
9		1	41	*January-September	Tiada nota kaki
9		1	42	*January-Agust	Tiada nota kaki
9		1	43	*Kadar tahunan.....	*Kadar tahunan.....
35	2	Kiri	8	22.615	22.614
49	Jadual 3.5	3	16	1.8	1.9
49	Jadual 3.5	4	16	2.2	2.3
49	Jadual 3.5	3	25	10.6	9.2
49	Jadual 3.5	4	25	8.2	7.0
64	2	Kiri	4	1,340,000	1,340,000
66	3	Kanan	10	Korea	Korea Selatan
99	2	Kiri	2	4.8%	2.3%
133	1	Kanan	21	deposit tetap	deposit semasa
140	1	Kanan	4	RM2,459 juta	RM2,495 juta
vi	Jadual 1.2	4	31	1.8	1.9
vi	Jadual 1.2	4	32	2.2	2.3

Hakcipta Terpelihara

Untuk maklumat teknikal selanjutnya sila hubungi:

Setiausaha,  
Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa,  
Kementerian Kewangan,  
Khazanah Malaysia,  
Blok B, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
Jalan Duta,  
50592 Kuala Lumpur,  
MALAYSIA.

FAX: 03-2535707  
TELEKS: FEDTRY MA 30242

Laporan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada Hari Berjajawang yang jatuh pada hari Jumaat terakhir bulan Oktober.

Edisi 2000/2001 diterbitkan pada 27 Oktober 2000.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:

Pengurus Besar,  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Jalan Chan Sow Lin,  
50554 Kuala Lumpur.

FAX: 03-92220690  
(ISSN 0126-8171)

Kulit luar direkabentuk oleh  
Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa,  
Kementerian Kewangan, Malaysia.

M  
1003871

10  
300-4000  
KK

7 MAR 2001  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### PENDAHULUAN

Pemulihan pantas dalam tempoh yang singkat (*V-shaped*) ekonomi Malaysia jelas menunjukkan bahawa kemelesetan yang melanda negara telah berakhir dan kini ianya berada di landasan pertumbuhan yang mapan. Ekonomi negara bukan sahaja telah melonjak semula tetapi telah mencatatkan prestasi yang melebihi jangkaan dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.3% dalam tempoh separuh tahun pertama 2000, berasaskan kepada pertumbuhan 11.9% pada suku pertama dan 8.8% pada suku kedua. Bagi keseluruhan tahun 2000, ekonomi dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.5%. Pemulihan dan pengembangan KDNK benar adalah amat memberangsangkan, kerana pertumbuhan yang pada awalnya diterajui oleh sektor luar, kini didorong oleh peningkatan permintaan sektor swasta hasil daripada impak dasar fiskal dan kewangan mengembang. Peningkatan permintaan dalam negeri semestinya akan memantapkan lagi asas-asas ekonomi makro dan seterusnya mengurangkan pendedahan negara kepada permintaan luar yang tidak menentu.

Asas-asas ekonomi makro akan terus mantap. Kedudukan imbalan pembayaran negara telah terus mencatatkan lebih walaupun lebih akaun semasa berkurang akibat kesan peningkatan kegiatan ekonomi ke atas pertumbuhan import. Sungguhpun demikian, rizab luar negara kekal kukuh. Di samping itu, pengembangan aktiviti ekonomi yang kukuh ini telah dicapai dalam keadaan inflasi yang rendah di bawah paras 3% dan kedudukan guna tenaga penuh. Keluaran Negara Kasar per kapita dijangka meningkat kepada RM12,883 pada tahun 2000, melebihi paras sebelum krisis. Pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi lagi kepada ASS7,716, menunjukkan kenaikan taraf hidup rakyat yang semakin bertambah baik.

Dalam pada ekonomi Malaysia terus bergerak melepasi kemelut krisis dan menjadi kukuh serta kembali mencatatkan pertumbuhan yang lebih mapan, Kerajaan kini menumpukan perhatian ke atas mengukuhkan asas-asas pertumbuhan bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi. Ini adalah penting kerana kejayaan kita untuk menangani krisis yang lalu adalah berlandaskan kepada kekukuhan asas-asas ekonomi makro negara di permulaan dan semasa krisis. Dengan pengukuhan perbelanjaan pelaburan dan penggunaan swasta, sektor swasta akan kembali berperanan sebagai jentera pertumbuhan yang seterusnya akan memastikan ekonomi negara terus mapan dalam jangka panjang. Begitu juga, usaha-usaha untuk mengukuhkan asas dan sumber pertumbuhan ekonomi akan dipergiatkan lagi. Dalam hal ini, langkah-langkah berterusan untuk memperkukuhkan sektor kewangan dan korporat akan dilaksanakan bersungguh-sungguh, sementara usaha-usaha memperluas dan memperdalamkan pasaran modal, khususnya pasaran bon dan modal teroka akan terus dipertingkatkan. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan lagi keupayaan sistem kewangan untuk menjadi lebih dinamik, berinovasi dan berupaya menyokong pertumbuhan, terutamanya aktiviti ekonomi baru.

Dalam keadaan transformasi ekonomi global yang sedang berlaku dengan pesat, Malaysia turut mengambil langkah-langkah perlu bagi mempermudah peralihan ekonomi daripada berasaskan pengeluaran kepada berasaskan teknologi dan pengetahuan untuk memastikan negara terus berdaya saing di dalam persekitaran global baru. Dalam hal ini, saya ingin menekankan betapa pentingnya setiap lapisan masyarakat dan semua sektor ekonomi mempertingkatkan penggunaan teknologi dan pengetahuan dalam semua aktiviti. Perhatian akan ditumpukan untuk mengenalpasti sumber-sumber pertumbuhan baru dan mengembangkan pertumbuhan sumber-sumber sedia ada dalam sektor ekonomi tradisional. Langkah-langkah akan terus diambil untuk mempertingkatkan kemahiran, produktiviti, kecekapan serta penyelidikan dan pembangunan dalam keluaran dan perkhidmatan baru supaya daya tahan dan daya saing negara dipertingkatkan.

Kedudukan pertumbuhan mapan di masa hadapan terus cerah dan kita bersedia untuk merebut peluang-peluang yang wujud. Sungguhpun prospek ini menggalakkan, kita perlu menumpukan perhatian ke atas tugas di hadapan. Kita tidak boleh leka dan alpa, sebaliknya kita mesti bertekad sepenuhnya untuk menggerakkan ekonomi ke hadapan dalam waktu yang bertepatan. Rakyat perlu bersama-sama Kerajaan memikul tanggungjawab tersebut dan respon kepada dasar-dasar Kerajaan yang telah dirangka bagi menggerakkan ekonomi negara terus maju ke hadapan. Jika kita leka, teragak-agak atau tidak bersungguh-sungguh dalam menghadapi cabaran-cabaran baru ini, segala kejayaan yang telah kita bersusah payah untuk mendapatkannya di masa yang lampau akan terhakis.

Laporan Ekonomi ini adalah edisi ke 29 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan sempena pembentangan Belanjawan 2001. Saya percaya bahawa Laporan Ekonomi ini akan memberi penjelasan yang menyeluruh mengenai perkembangan ekonomi Malaysia dalam tahun 2000 dan prospek bagi tahun 2001 serta mengutarakan isu-isu, cabaran-cabaran dan risiko-risiko yang dihadapi oleh negara dalam mengekalkan pertumbuhan yang kukuh bagi jangka pendek dan panjang. Sehubungan itu, saya ingin menekankan sekali lagi keperluan untuk mewujudkan 'Malaysia Baru' di mana setiap lapisan masyarakat terus beriltizam dan bersama-sama berazam untuk menggerakkan negara '**Dari Wawasan Strategik kepada Pelaksanaan Strategik**'.

KUALA LUMPUR  
27 Oktober 2000




DAIM ZAINUDDIN


# EKONOMI NEGARA 2001

PADA HARGA 1987

**PENAWARAN<sup>1/</sup>  
BARANGAN DAN PERKHIDMATAN  
(RM 457,453 JUTA)**




**PERMINTAAN<sup>1/</sup>  
BARANGAN DAN PERKHIDMATAN  
(RM 457,453 JUTA)**




<sup>1/</sup> Perkhidmatan bukan faktor.

## BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2001

**DARI MANA DATANGNYA**



**KE MANA DIBELANJAKAN**



<sup>1/</sup> Terdiri daripada hasil, pinjaman dan penggunaan aset Kerajaan.